

ISA dikekalkan bagi jamin keselamatan

BM 13 OCT 2009

BANDAR SERI BEGAWAN: Malaysia akan terus mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negessri (ISA) walaupun apapun tanggapan Barat kerana ia mampu mengekalkan keamanan dalam negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia tidak berasa malu untuk terus mempertahankan ISA dan kerana itu, tidak akan memikirkan apa juga tafsiran negara Barat mengenainya.

Perdana Menteri berkata, negara Barat menganggap ISA tidak adil kerana kononnya kerajaan tidak boleh menahan seseorang sebelum orang itu

melakukan sebarang tindakan.

"Bagaimanapun, di Amerika Syarikat ramai ditahan tanpa mengikut sebarang undang-undang. Mereka kini menahan ramai orang, malah ramai orang Islam mendapati anggota keluarga hilang yang kemudian diketahui ditahan tanpa mengikut sebarang undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pada sesi soal jawab sempena jamuan tengah hari bersama rakyat Malaysia di Brunei, di Pusat Konvensyen Antarabangsa (ICC) di sini semalam..

Dr Mahathir menegaskan, ISA di adakan sebagai langkah pencegahan sebelum seseorang itu melakukan perbuatan yang mencetuskan kecauan dan mengugat keselamatan negara.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir kesal kerana Barat masih menganggap Malaysia tidak tahu makna keadilan apabila memperkatakan mengenai sistem kehakiman di negara ini.

"Kita menghadapi masalah dengan negara Barat ini, mereka anggap orang macam kita ini tidak tahu apa nama keadilan dan sistem kehakiman, itu pandangan mereka," katanya.